

Calon PAS tentang Mahathir dalam kawasan Kubang Pasu

JITRA, Rabu (Bernama) — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ditentang oleh seorang calon muda PAS bagi kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihanraya 5 Julai ini.

Calon PAS Encik Halim Arshad, 35 tahun, lulusan pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan sekarang bertugas di sebuah syarikat perniagaan Bumi-putera sebagai pengarahnya.

Bellau anak seorang petani dari Kampung Nongka, 8 batu dari Jitra pernah menjadi presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, dan juga bekas Naib Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia.

Bellau telah berkahwin dan mempunyai dua orang anak.

Dalam parti PAS bellau hanya menjadi ahli biasa.

Calon Barisan Nasional bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Jitra, Encik Osman Aroff ditentang oleh seorang guru agama Encik Ahmad bin Yusof.

Seorang ahli perniagaan, Haji Hanafi bin Ramli, bertanding atas tiket Barisan Nasional bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Tunjang.

PAS meletak calonnya yang lama bagi kawasan itu, Encik Ismail Hanafi.